KENYATAAN AKHBAR

KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA

(Bagi Minggu 44/2015 dari 1 hingga 7 November 2015)

Pada minggu ke 44 tahun 2015, iaitu dari 1 hingga 7 November 2015, sejumlah 2,136 kes telah dilaporkan, menurun 21 kes (1%) berbanding dengan minggu sebelumnya iaitu 2,157 kes. Terdapat lima (5) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Pulau Pinang 55 kes (47.8%), Melaka 20 kes (35.1%), Kedah 9 kes (56.3%), Perlis 8 kes (800.0%) dan Sabah 1 kes (1.8%). Jumlah kumulatif kes denggi yang dilaporkan dari Januari sehingga 7 November tahun 2015, adalah 102,801 kes, berbanding 86,765 kes bagi tempoh yang sama tahun 2014, peningkatan sebanyak 18.5% (16,036 kes).

Bagi tempoh yang sama terdapat enam (6) kematian dilaporkan, iaitu dua (2) di Perak dan masing-masing satu (1) di Pulau Pinang, Johor, Pahang dan Sabah. Jumlah kumulatif kematian denggi sehingga kini adalah sebanyak 283 kematian, berbanding 164 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2014, meningkat sebanyak 119 kematian (72.6%).

Daripada 1 hingga 7 November 2015, terdapat sebanyak 800 lokaliti wabak yang masih aktif dilaporkan di 14 negeri iaitu 444 lokaliti di Selangor, 159 lokaliti di Johor, 57 lokaliti di WP Kuala Lumpur & Putrajaya, 39 lokaliti di Pulau Pinang, 27 lokaliti di Perak, 17 lokaliti di Negeri Sembilan, 15 lokaliti di Melaka, 11 lokaliti di Sabah dan 11 lokaliti di Pahang. Manakala Kelantan, Sarawak, Kedah, Terengganu dan Perlis melaporkan kurang daripada 10 lokaliti. Daripada jumlah tersebut terdapat sebanyak 116 lokaliti hotspot melibatkan 6 buah negeri iaitu 64 lokaliti di Selangor, 42 lokaliti di Johor,

enam (6) lokaliti di Perak, dua (2) lokaliti di Pulau Pinang serta masing-masing satu (1) di lokaliti di Sabah dan Melaka.

KKM menyeru kepada semua lapisan masyarakat untuk meluangkan masa 10 minit untuk melakukan pemeriksaan setiap minggu bagi menghapuskan tempat pembiakan Aedes. Masyarakat terutamanya yang tinggal di kawasan berwabak juga perlu menjalankan aktiviti gotong royong untuk membersihkan kawasan kediaman masing-masing. Di samping itu, Kementerian Kesihatan juga memohon kepada semua agensi media cetak dan elektronik untuk membantu meningkatkan siaran serta nasihat berkaitan langkah pencegahan dan kawalan denggi, iaitu menggunakan bahan promosi yang telah diedarkan oleh Kementerian Kesihatan sebelum ini. Siaran secara berterusan ini diharap akan memberikan kesedaran kepada semua golongan masyarakat untuk melakukan tindakan pencegahan secara berterusan.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga mengharapkan program "Gotong Royong Mega" Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan secara serentak di seluruh negara pada 8 November 2015 dilaksanakan secara berterusan agar ia memberi impak positif dalam mengurangkan tempat-tempat pembiakan Aedes dan seterusnya membendung kejadian kes denggi di negara ini. ***"TIADA AEDES, TIADA DENGGI"***.

DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

13 November 2015

Lampiran A

KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 44/2015
(1 hingga 7 November 2015)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 44/2015	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 44/2014
		Minggu 44 (1 – 7 Nov 2015)	Minggu 43 (25 – 31 Okt 2015)		
1	Perlis	9	1 0	190 (1)	217
2	Kedah	25	16 (1)	795 (12)	861 (6)
3	P. Pinang	170 (1)	115 (1)	4,693 (15)	1,992 (5)
4	Perak	114 (2)	130	8,401 (24)	4,682 (13)
5	Selangor	936	953 (4)	54,364 (110)	42,700 (59)
6	WP KL & Putrajaya	165	180	7,101 (32)	6,083 (15)
7	N. Sembilan	64	64	1,992 (12)	3,276 (7)
8	Melaka	77	57	1,999 (6)	2,280 (6)
9	Johor	337 (1)	375 (2)	13,353 (39)	5,059 (20)
10	Pahang	59 (1)	61 (1)	2,388 (12)	1,549 (4)
11	Terengganu	25	32	1,041 (3)	1,329 (2)
12	Kelantan	58	65 (1)	2,468 (7)	13,832 (17)
13	Sarawak	40	52	1,716 (3)	1,761 (5)
14	Sabah	57 (1)	56	2,298 (7)	1,133 (5)
15	WP Labuan	0	0	2	11
	MALAYSIA	2,136 (6)	2,157 (10)	102,801 (283)	86,765 (164)

Nota: ( ) Kematian

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 7 NOVEMBER 2015 (Mg 44)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Gombak	Appt Residensi Bistaria	68	171
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	106	163
3	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	168	161
4	JOHOR	Johor Bharu	Danga Bay	87	158
5	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Pulai Utama_Jln Pulai 43-74	83	152
6	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Molek 2	52	150
7	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Megah Ria_Jln Jelatang	53	149
8	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Damai Jaya_Makmur	122	148
9	JOHOR	Johor Bharu	Tmn U_Kebangsaan	49	147
10	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Mawar_Jln Mawar 1 - 14	21	140
11	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Kota Masai_Jln Pulasan	71	134
12	SELANGOR	Gombak	Tmn Daya	37	129
13	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a Puncak Sri Kelana Kondo	35	125
14	JOHOR	Johor Bharu	Tmn. Kenanga	42	124
15	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K7	34	123
16	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 1 Bandar Teknologi	22	115
17	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Sri Skudai_Jln Tembaga Merah	31	115
18	JOHOR	Johor Bharu	Bdr Baru Permas Jaya 1	46	113
19	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Desa Jaya_Jln Lembah	82	109
20	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Gombak Fasa 1	66	107
21	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Cempaka Blok 1-14	50	107
22	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Cendana_Zon 1	36	104

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
23	SELANGOR	Petaling	Seksyen 2	17	103
24	SELANGOR	Gombak	Rawang Integrated Industrial Park	27	102
25	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 - 37)	23	102
26	SELANGOR	Gombak	Sri Maya Condo	25	99
27	JOHOR	Johor Bharu	Kempas Denai	33	98
28	JOHOR	Johor Bharu	Horizon Hill	19	96
29	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Skudai Baru_Jln Hang Jebat	21	96
30	SELANGOR	Petaling	Tmn Sg. Besi Indah 3 (Desa Saujana)	26	95
31	JOHOR	Johor Bharu	Tmn. Nusantara 6/	15	94
32	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 (Teres A : Jln 8/1 - 8/13)	44	75
33	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Nusa Perintis 2	31	75
34	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Plentong Baru	15	74
35	JOHOR	Johor Bharu	Perumahan Iskandar	39	73
36	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bunga Melur 1-18 Taman Muda	14	72
37	SELANGOR	Gombak	Kepong Ulu	22	69
38	PERAK	Kinta	Tmn Pelangi Kinta	29	67
39	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Mount Austin_Jln Austin Height 1/	28	64
40	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/67-76 Seksyen 3 Bandar Baru Bangi	25	63
41	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Nesa_Jln Zapin	9	63
42	SELANGOR	Gombak	Tmn Pelangi	9	62
43	SELANGOR	Petaling	Sri Kembangan 13	21	62

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
44	SELANGOR	Petaling	Tmn Pinggiran Putra (Vista Pinggiran)	19	62
45	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Suadamai 6 Bandar Tun Hussein Onn	23	61
46	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Megah Ria_Jln Api-Api	23	61
47	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Scientex_Jln Kancil	19	61
48	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 (Flat Jln 17/2, 17/24, 17/26 : Blok 1 - 10)	16	60
49	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Bukit Dahlia_Jalan Semerbak	24	60
50	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Bukit Tiram_Panti	10	60
51	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Perdana (Jln Anggerik)	14	59
52	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana (South City Condo)	20	59
53	PERAK	Kinta	Tmn Klebang Jaya	48	58
54	SELANGOR	Petaling	Kt Pju 3 Palm Spring Kondo 1 : Blok A, B, C	18	57
55	SELANGOR	Kuala Selangor	Kg Cina Sg.Janggut	18	57
56	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 10 Ridzuan Kondo	20	56
57	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Murni Cheras	18	55
58	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	19	55
59	JOHOR	Johor Bharu	Tuta_Perwira	12	53
60	P PINANG	Barat Daya	Flat Sri Bayu	21	52
61	SELANGOR	Gombak	Appt Anggerik Ttt	21	52
62	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Cahaya Masai_Jln Intan	12	52
63	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Puteri Wangsa Lading	10	51
64	JOHOR	Johor Bharu	Tuta_Nakhoda	10	50

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
65	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Teres A : Jln 13/11 - 13/12)	24	49
66	SELANGOR	Gombak	Tmn Selayang Jaya	10	48
67	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 2 Bandar Rinching	12	48
68	JOHOR	Johor Bharu	Tuta_Hulubalang	19	47
69	SELANGOR	Gombak	Kg Sri Gombak Indah	10	46
70	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/63-66 Bandar Baru Bangi	16	46
71	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Desa Cemerlang_Jln Saga	12	46
72	SELANGOR	Hulu Langat	Rumah Kedai Taman Mulia Jaya	5	45
73	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 (Flat A : Blok 1 - 22)	9	44
74	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Johor Jaya_Jln Seroja 12-36	8	44
75	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana (South City Plaza)	14	43
76	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Gombak Fasa 9	16	42
77	SELANGOR	Petaling	Usj 13/3	9	42
78	SELANGOR	Petaling	Pst Bdr Puchong Psn Indera - (Pangsapuri Permata Sari - Qts Mpsj)	8	41
79	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	8	40
80	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Kasturi Cheras	9	39
81	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tkp 1-14 Taman Kantan Permai	11	39
82	SELANGOR	Hulu Selangor	Jalan Selasihsari Bsb	14	39
83	SELANGOR	Petaling	Pjs 9 /1(Lagoon Perdana & Rumah Kedai)	10	39

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
84	JOHOR	Johor Bharu	Ptp Residence	10	39
85	SELANGOR	Petaling	Sri Kembangan 1	10	38
86	SELANGOR	Petaling	Usj 6/5 - Usj 6/7	8	38
87	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Sri Skudai_Jln Tembaga Kuning	7	38
88	JOHOR	Johor Bharu	Tperling_Pekaka	8	38
89	SELANGOR	Gombak	Tmn Tasik Biru	16	37
90	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Perdana 1 (Jln Mawar)	10	37
91	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Sutera Utama_Pulai	5	37
92	P PINANG	Barat Daya	Halaman Murni	8	35
93	PERAK	Kinta	Rpt Desa Changkat	12	35
94	SELANGOR	Kuala Selangor	Jalan Chengal Saujana Utama	16	35
95	SELANGOR	Gombak	Tmn Greenwood	9	34
96	MELAKA	Melaka Tengah	Pangsapuri Kota Laksamana	21	34
97	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Desa Jaya_Jln Danau	9	34
98	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Bkt Kempas_Jln Bkt Kempas 1/	6	34
99	SABAH	Sandakan	Taman Merpati	12	34
100	PERAK	Kinta	Jln Seenivasagam, Ipoh	14	33
101	SELANGOR	Gombak	Kg Simpang 3	4	33
102	SELANGOR	Gombak	Kg Melayu Sri Kundang	6	33
103	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Riviera Taman Muda	10	33
104	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 30-38c Kampung Cheras Baru	5	33
105	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 1 Bandar Rinching	4	33
106	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 5 Sepah Puteri (Jln 5/1-5/19)	9	33

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
107	SELANGOR	Petaling	Tmn Universiti Indah 3 (Flat Lama)	9	33
108	PERAK	Kinta	Kg Baru Buntong	8	33
109	SELANGOR	Gombak	Flat Pinggiran Bt Caves	4	32
110	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Mentari : Blok 1,2 & 3)	5	32
111	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 8 Armanee Terrace Kondo	20	32
112	JOHOR	Johor Bharu	Kg Pelentong Baru	8	32
113	PERAK	Kinta	Tmn Hock Bee	11	31
114	SELANGOR	Petaling	Bdr Bkt Puchong Bp 1 (Flat Bkt Puchong)	5	31
115	SELANGOR	Petaling	Bt 13 Kg Tengah	6	31
116	JOHOR	Johor Bharu	Rumah Kongsi Horizon Hills	16	31